




2026 LONJAK SEKTOR TENAGA BOLEH BAHARU

SEKTOR tenaga boleh baharu (TBB) di Malaysia bakal mengalami pertumbuhan ketara pada tahun 2026 berdasarkan kepada perkembangan permintaan di peringkat domestik mahupun serantau.

Di peringkat domestik misalnya, ia didorong oleh peningkatan permintaan elektrik daripada pusat data selain momentum yang terhasil daripada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Diperbaharui Malaysia (MyRER), dan pelaksanaan projek utama.

Ketika ini Malaysia menyasar-

kan 40 peratus TBB dalam kapasiti terpasang menjelang 2035 dan 70 peratus menjelang 2050, dengan pelepasan sifar bersih disasarkan seawal tahun 2050.

Menurut Pengarah Urusan Gading Kencana Sdn. Bhd., iaitu syarikat bumputera yang terlibat secara meluas dalam industri tenaga boleh baharu, Datuk Ir. Guntor Tobeng, pada tahun 2026 juga, solar akan mendominasi sektor TBB di negara ini.

Katanya, kenyataan itu berdasarkan pelaksanaan Ladang Solar Skala Besar 5 (LSS5) dengan kapasiti 2,000MW diikuti LSS5+ lagi 2,000MW dan LSS6 yang tendernya bakal dikeluar-

"EPCC YANG JUGA SALAH SATU KEPAKARAN GADING KENCANA SANGAT PENTING DALAM MERANCAKKAN PERTUMBUHAN SEKTOR TBB DI NEGARA INI."

kan pada bila-bila masa.

Di samping itu, katanya, Skim Bekalan Tenaga Boleh Diperbaharui Korporat (CRESS), dan inisiatif Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (MyBeST) akan turut membantu melonjak sektor ini pada tahun 2026.

Selain itu kata Guntor, sektor TBB tidak terhad kepada penajaan tenaga daripada sumber bersih sahaja.

Banyak sektor hiliran yang diperlukan untuk menyokong pertumbuhan TBB terutama aktiviti kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahkan (EPCC) yang semakin meningkat pada Suku Pertama 2026.

"EPCC yang juga salah satu kepakaran Gading Kencana sangat penting dalam merancaikan pertumbuhan sektor TBB di negara ini, selain yang berkaitan dengan khidmat penyelenggaraan," kata Guntor.

Selain itu katanya, peruntukan dalam Belanjawan 2026, termasuk lanjutan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 5.0) hingga Disember 2026 dan pengenalan cukai karbon, akan menjadi pemangkin pelaburan, menggerakkan sekitar RM6-14 bilion modal swasta untuk infrastruktur solar dan berkaitan.